



# SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN LANDSKAP & CERIA MERDEKA KATEGORI INSTITUSI PENDIDIKAN, INSTITUSI KEAGAMAAN DAN PEJABAT KERAJAAN PERINGKAT DAERAH KERIAN 2022

1. Penyertaan dibuka dalam **tiga kategori sahaja** iaitu:

**- KATEGORI INSTITUSI PENDIDIKAN**

- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah
- Prasekolah (tadika)

**-KATEGORI INSTITUSI KEAGAMAAN**

- Masjid / Surau / Rumah Ibadat / Tokong / Kuil

**-KATEGORI PEJABAT KERAJAAN**

- Pejabat / Jabatan / Agensi / Badan Berkanun

2. Pertandingan adalah bermula dari **01 OGOS 2022** dan tarikh akhir penghantaran penyertaan adalah sebelum atau pada **30 OGOS 2022, SELASA jam 4.30 PETANG**.

3. Borang dan penyertaan adalah percuma dan boleh didapati secara dalam talian di pautan <https://bit.ly/3z9qyFC> atau imbas kod QR yang terdapat pada poster yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kerian dengan mengisi keterangan serta memuatnaik **10 keping gambar** dalam bentuk format JPEG atau PDF. Penilaian awal adalah berdasarkan gambar yang diberikan dan lawatan ke premis akan dijalankan jika perlu.

4. Kriteria yang dinilai untuk pemarkahan adalah berdasarkan kepada:-

4.1. **Rekabentuk Landskap – ( 30 % )**

konsep perancangan, penggunaan ruang, identiti, pemilihan tanaman, elemen arca dan landskap kejur, penggunaan bahan serta kreativiti.

4.2. **Penyelenggaraan Landskap – ( 20 % )**

Kesuburan dan perawatan tanaman serta penjagaan landskap kejur.

4.3. **Penggunaan Jalur Gemilang – ( 30% )**

Pemasangan Jalur Gemilang dengan pelbagai saiz, jumlah serta kreativiti / idea / tema, penyusunan / pengolahan serta keutamaan penggunaan bahan kitar semula.

4.4. **Kebersihan dan Keindahan – ( 20% )**

Keadaan kebersihan hadapan bangunan / halaman / jalan masuk / luar pagar dan kawasan persekitaran.

5. Penyertaan akan dinilai oleh panel hakim yang dilantik oleh urusetia dan akan diadakan pada bulan **SEPTEMBER 2022**. Keputusan panel hakim dan jawatankuasa pertandingan adalah **MUKTAMAD**. Pemakluman keputusan akan dibuat melalui laman web MDK dan pemenang sahaja akan dihubungi secara bertulis / telefon.

6. Untuk pertanyaan dan keterangan lanjut sila hubungi:-

**Urusetia,**

**Pertandingan Landskap & Ceria Merdeka Tahun 2022**

**Jabatan Perancangan Bandar & Landskap,**

**Majlis Daerah Kerian,**

Tel: 05-7161228 Fax: 05-7169268

Laman web: <https://www.mdkerian.gov.my/>

